

06/12/2001

Faktor sikap belunggu usahawan Bumiputera

Mohd Anwar Patho Rohman

USAHAWAN Bumiputera kerap digambarkan sebagai golongan yang meniti jalan kegagalan dalam perniagaan. Bagi menangkis tanggapan itu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan, untuk melancarkan pelbagai program keusahawanan bagi membantu mereka bersaing.

Namun, kekuatan dan suntikan yang sering dihulurkan gagal digunakan sebaik mungkin hingga ada usahawan yang langsung ketinggalan merebut peluang di depan mata.

Baru-baru ini, Kementerian Pembangunan Usahawan menerusi Majlis Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bumiputera menubuhkan lima jawatankuasa pengelola penggalak penyertaan usahawan Bumiputera dalam ICT.

Gagasan idea untuk menubuhkan Majlis ICT Bumiputera dicerna menerusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-4 pada 10 dan 11 September 1999 yang ingin melihat lebih ramai usahawan Bumiputera berjaya dalam perniagaan menerusi ICT.

Kini, Majlis ICT Bumiputera menelurkan satu kenyataan kepada semua usahawan Bumiputera, iaitu lima jawatankuasa bertanggungjawab terhadap kajian pelan tindakan pembangunan ICT Bumiputera, penubuhan pusat ICT, latihan dan pembudayaan, peluang perniagaan dan pembiayaan serta mengatasi jurang digital.

Bersama-sama 27 anggota daripada sektor awam dan swasta yang mempunyai latar belakang kepakaran ICT serta keusahawanan dan dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz, Majlis ICT Bumiputera tentunya mengharapkan sokongan lebih padu daripada usahawan.

Daripada 27 anggota itu, lima orang akan dilantik mempengerusikan lima jawatankuasa khas yang akan mengemukakan pelan tindakan dalam bidang masing-masing kepada Majlis ICT Bumiputera.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian, Sektor Usahawan, Datuk Abdul Rahman Husin, berkata setiap jawatankuasa itu bertanggungjawab terhadap satu daripada lima perkara utama yang dikenal pasti.

Beliau berkata, pengerusi akan mengemukakan pelan tindakan bidang masing-masing kepada majlis ICT yang dipengerusikan Mohamad Nazri dalam mesyuarat kedua majlis, Februari depan.

Katanya, walaupun agenda itu masih belum muktamad, usaha mengenal pasti pelan tindakan yang sesuai untuk dilaksanakan dalam program itu. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), kerajaan memberi peruntukan RM5.24 juta untuk digunakan bagi melaksanakan program itu.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kementerian dan Majlis ICT Bumiputera menggerakkan dan menjadikan usaha ini satu kenyataan," katanya.

Abdul Rahman berkata, jawatankuasa itu juga bertanggungjawab mengkaji dan mengurangkan jurang kepakaran ICT antara usahawan serta penduduk di bandar dan luar bandar.

"Bagi usahawan pula, mereka perlu jelas bahawa jawatankuasa yang terbabit akan memastikan mereka mendapat manfaat menerusi penyertaan berterusan bagi meningkatkan kemahiran dalam ICT.

"Konsep yang dibawa untuk membudayakan dan mendalami ICT secara menyeluruh kepada usahawan, sama ada menerusi program kementerian seperti perusahaan kecil dan sederhana," katanya.

Namun, Majlis ICT Bumiputera, katanya, mengharapkan inisiatif usahawan mengejar peluang perniagaan ICT tanpa terlalu bergantung kepada usaha kerajaan.

"Kebanyakan usahawan Bumiputera kreatif menghasilkan produk, tetapi menjadi kurang berkembang dari aspek pemasaran kerana kurang bijak mengambil kesempatan itu," katanya.

Abdul Rahman berkata, kementerian mendapati faktor sikap masih terus membelenggu dan membatasi ruang pergerakan usahawan Bumiputera merebut peluang memasarkan produk mereka menerusi ICT.

Katanya, adalah suatu yang malang jika peluang sebegitu tidak direbut terutama ketika seluruh dunia mengalami krisis kewangan dan kelembapan pergerakan ekonomi.

"Namun, kesedaran mengenai ICT menunjukkan peningkatan skala yang membanggakan walaupun hanya 10 peratus usahawan Bumiputera mula mempraktikkannya," katanya.

Sebelum ini, katanya, beberapa langkah segera diambil oleh kementerian bagi mengenal pasti usahawan Bumiputera yang berbakat untuk diberi latihan intensif dalam bidang pengurusan kewangan dan perusahaan serta menyemai etika yang sesuai dengan kejayaan perniagaan mereka.

Langkah itu selaras dengan usaha membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera oleh kerajaan.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hanya mereka yang sanggup melalui kursus itu akan diberi lesen dan pinjaman modal.

"Bumiputera perlu memberi perhatian yang serius terhadap pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera kerana ia bukan satu skim untuk cepat kaya tetapi adalah usaha serius ke arah penyusunan semula masyarakat bagi mengimbangkan Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini," kata Perdana Menteri ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Kelapan.

Beliau berkata, program latihan keusahawanan akan dipergiatkan bagi membolehkan usahawan Bumiputera menghadapi cabaran globalisasi dan menggunakan lebih banyak kandungan pengetahuan dalam kegiatan mereka.

Menurutnya, program itu akan memberi penekanan kepada penyediaan usahawan Bumiputera yang lebih berdikari, berdaya saing, dan mengamalkan etika perniagaan yang baik.

(END)